

Perubahan Ciri-Ciri Akaun Simpanan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perubahan ciri-ciri akaun simpanan?

Perbadanan TAIB sedang mengemaskini ciri-ciri produk dan menaik-taraf sistem, oleh itu, akaun-akaun akan disusun semula mengikut had umur yang telah ditetapkan seperti yang tertera di bawah:

Nama Akaun yang sedia ada	akan diubah kepada
Akaun SiManja	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun SiManja bagi yang berumur 0 – 17 tahun <i>atau</i> • Akaun Biasa bagi yang berumur 18 tahun ke atas
Akaun Remaja	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun SiManja bagi yang berumur 0 – 17 tahun <i>atau</i> • Akaun Biasa bagi yang berumur 18 tahun ke atas
Akaun Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun Biasa

2. Apakah akaun yang tidak lagi ditawarkan?

Akaun-akaun yang tidak lagi ditawarkan atau ditiadakan:

- i. Akaun Remaja
- ii. Akaun Belia
- iii. Akaun Galakan

3. Apakah yang akan berlaku pada Akaun Remaja yang sedia ada?

Akaun Remaja akan disusun semula kepada Akaun SiManja bagi pelanggan yang berumur diantara 0 – 17 tahun, manakala bagi pelanggan yang berumur 18 tahun ke atas akan dipindah ke Akaun Biasa.

4. Bagaimana dengan Akaun Belia yang sedia ada?

Semua Akaun Belia akan disusun semula dan diserapkan sebagai Akaun Biasa.

5. Apakah yang akan berlaku kepada Akaun Galakan yang sedia ada?

Akaun Galakan akan dipindahkan ke Akaun Biasa tanpa mengira umur kumpulan.

6. Apakah yang perlu saya lakukan sebagai pemegang amanah sekiranya anak yang saya tanggung bagi Akaun SiManja dan Akaun Remaja telah melebihi usia 18 tahun?

Awda dikehendaki mengunjungi ke cawangan Perbadanan TAIB untuk memberi arahan kepada pihak Perbadanan TAIB sama ada untuk menyusun semula ke Akaun Biasa di atas nama anak

yang ditanggung sepenuhnya atau sebaliknya. Ibu/bapa/Penjaga dan anak berkenaan adalah dikehendaki hadir kemana-mana cawangan Perbadanan TAIB untuk memberi sebarang arahan penukaran akaun sebelum 2 Jun 2016.

Jika tiada sebarang arahan yang nyata diterima oleh pihak Perbadanan TAIB, maka akaun tersebut akan di susun semula kepada Akaun Biasa secara automatik disebabkan pemegang akaun tidak lagi dalam lingkungan had umur yang ditetapkan bagi Akaun SiManja. Bagaimanapun, pelanggan berhak untuk memilih akaun simpanan yang bersesuaian dengan mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB.

7. Adakan para pelanggan akan masih menerima hibah?

Ya, para pelanggan akan masih menerima hibah selepas penyusunan semula akaun, walaubagaimanapun hibah tidak akan dibayar jika akaun ditutup.

8. Kadar hibah manakah yang akan diterima oleh pelanggan?

Para pelanggan akan menerima kadar hibah berdasarkan jenis akaun baru. Sebagai contoh, pemegang akaun yang berumur 18 ke atas yang telah dipindahkan ke Akaun Biasa akan menerima kadar hibah berdasarkan Akaun Biasa.

9. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat yang lebih lanjut, sila kunjungi mana-mana cawangan kami yang berdekatan. atau hubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di 2342626.

Terima kasih atas sokongan awda yang berterusan.

Revision on Savings Product Features

1. What is the revision of product features in Saving Accounts?

Perbadanan TAIB is revising its products features and upgrading its systems, therefore accounts that are affected will be consolidated in accordance to the age group as shown below:

Existing Account Name	will be revised to
Akaun SiManja	<ul style="list-style-type: none"> Akaun SiManja for those who are 0 – 17 years old <i>or</i> Akaun Biasa for those who are 18 years old and above
Akaun Remaja	<ul style="list-style-type: none"> Akaun SiManja for those who are 0 – 17 years old <i>or</i> Akaun Biasa for those who are 18 years old and above
Akaun Belia	<ul style="list-style-type: none"> Akaun Biasa

2. What are the accounts that are no longer offered and demised?

Accounts that are no longer offered and demised:

- i. Akaun Remaja
- ii. Akaun Belia
- iii. Akaun Galakan

3. What will happen to existing accounts under Akaun Remaja?

Akaun Remaja shall be consolidated to Akaun SiManja for those who are 0 – 17 years old and to Akaun Biasa for those who are 18 years old and above.

4. What will happen to existing accounts under Akaun Belia?

All existing accounts under Akaun Belia shall be integrated into Akaun Biasa for those who are 18 years old and above.

5. What will happen to existing accounts under Akaun Galakan?

All existing accounts under Akaun Galakan will be migrated to Akaun Biasa regardless of age.

6. What do I need to do if I am a trustee of a minor account holder of “SiManja” and “Remaja” who are above age of 18?

You are required to visit Perbadanan TAIB branch to give instructions to Perbadanan TAIB to change the account into an Akaun Biasa in the sole name of the children, unless otherwise stated.

Mother/Father/Guardian and children are required to be present at any Perbadanan TAIB branch to perform the necessary changes before 2 June 2016.

In the absence of any express instruction to change to other suitable products, such accounts shall be consolidated to Akaun Biasa automatically due to account holders are no longer within the age limit for SiManja products. However, the customers have the right to change to suitable products provided that they visit the Perbadanan TAIB branch.

7. Will customers still receive *hibah*?

Yes, customers will still receive *hibah* after the account consolidation; however *hibah* shall not be paid if the account is closed,

8. Which *hibah* rate will the customer be receiving?

The customer will receive *hibah* rate based on the new account type. For example, account tholders above 18 years old that have been migrated to Akaun Biasa will receive a *hibah* rate based on Akaun Biasa.

9. Who can I contact for more information?

For further information, please visit any of our branches or contact Perbadanan TAIB Call Centre at 234 2626.

Thank you for your continuous support and Perbadanan TAIB look forward to serving you better.